

LAWATAN MESRA KOLEJ MATRIKULASI LABUAN



Seramai 100 orang pelajar daripada Kolej Matrikulasi Labuan telah melakukan kunjungan ke Sekolah Perniagaan & Ekonomi baru-baru ini. Rombongan pelajar tersebut telah dirai oleh Timb. Dekan (Akademik & HEP), Pg. Dr. Hassanal Bahar Pg. Bagul dan beberapa pensyarah terlibat turut hadir. Satu sesi taklimat telah diadakan pada 21 Januari 2007 di BMU. Antara objektif kunjungan tersebut adalah bagi memberikan maklumat serta pendedahan kepada pelajar-pelajar Matrikulasi berkaitan program-program pengajian yang ditawarkan di UMS khususnya di Sekolah Perniagaan & Ekonomi. Pelbagai persoalan telah dileraikan melalui sesi soaljawab antara kedua-dua belah pihak. Di akhir lawatan, kedua-dua belah pihak telah bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda kenang-kenangan.